




## Inovasi rawatan kanser, keberkesanan lebih tinggi, kos lebih rendah



SERDANG: Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya membangunkan inovasi yang lebih berkesan dalam merawat kanser yang juga dapat mengurangkan kos rawatan.

Inovasi yang diberi nama 'Kemoterapi Gabungan Kompleks Rutenium, [Ru(dppz)2PIP]2+ (RuPIP) dan Olaparib Untuk Rawatan Kanser', itu menggunakan kaedah rawatan gabungan ubat-ubatan di antara kompleks rutenium(II) baharu, [Ru(dppz)2PIP]2+ (atau RuPIP) dan perencat polimerase poli(ADP-ribosa) (PARP), olaparib.


Penyelidikan rawatan gabungan baharu itu bertujuan untuk menghasilkan kesan sinergisme, memperluas kesan terapeutik serta mengurangkan kesan sampingan ubat gabungan. Sehingga kini, kemoterapi konvensional menggunakan agen tunggal terbukti kurang berkesan kerana masalah rintangan kemoterapi.

Ketua kumpulan penyelidik itu, Prof. Madya Dr. Haslina Ahmad dari Jabatan Kimia, Fakulti Sains UPM, berkata ubat kemoterapi sedia ada yang berasaskan platinum seperti 'cisplatin' mendapat kelulusan oleh Pentadbiran Maknān dan Ubot-ubatan (FDA) untuk merawat kanser. Namun, risiko ketoksikan yang tinggi telah mengehadkan penggunaan ubat tersebut dalam rawatan kanser kerana boleh mendatangkan kesan sampingan yang teruk.

Menurutnya, juga terdapat risiko berlakunya rintangan ubat yang menyebabkan kanser berulang, melalui kemoterapi menggunakan agen tunggal seperti 'cisplatin'.

Justeru daripada kelemahan dalam ubat antikanser sedia ada itu, katanya, terdapat keperluan untuk menggantikan ubat tersebut dengan alternatif yang sesuai serta perlu menggunakan kaedah gabungan baharu bagi meningkatkan keberkesan rawatan tanpa kesan sampingan.

Prof. Madya Dr. Haslina, berkata, penggunaan kompleks rutenium berasaskan ligan polipiridil, RuPIP adalah alternatif yang sesuai untuk menggantikan ubat kemoterapi berasaskan platinum. Kompleks rutenium telah dikaji secara meluas sebagai agen antikanser dan ia menunjukkan keberkesanan yang lebih tinggi dan mempunyai jutal terapeutik yang luas berbanding ubat kemoterapi berasaskan platinum. Ia juga menunjukkan keberkesanan terhadap sel kanser yang mempunyai rintangan terhadap ubat kemoterapi sedia ada 'cisplatin'.



### LIHAT JUGA



MyAgeing anjur forum nasional tingkat kesedaran vaksinasi warga emas (/berita /myageing\_anjur\_forum\_nasional\_tingkat\_kesedaran\_vaksinasi\_warga\_emas-61242)



UPM fokus lima strategi utama perkukuh hasrat sebagai menara ilmu disegani (/berita /upm\_fokus\_lima\_strategi\_utama\_perkukuh\_hasrat\_sebagai\_menara\_ilmu\_disegani-61241)



Program UPM Alumni Golden Fit (/berita /program\_upm\_alumni\_golden\_fit-61239)



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

Selangor Darul Ehsan

+603-9769 1000

---

marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

## OLAPARIB

Menurutnya, olaparib pula adalah sejenis perencat PARP yang berfungsi untuk menghalang sel-sel kanker daripada memperbaiki kerusakan DNA. Sejak tahun 2015, olaparib telah diluluskan oleh FDA sebagai agen tunggal untuk merawat kanser payudara dan ovari.

Beliau berkata, fungsi RuPIP sebagai agen antikanser telah dikaji sebelum ini. Ia bertindak pada sel-sel yang sedang membahagi dengan merosakkan DNA. Oleh kerana sel kanser membahagi dengan sangat cepat, RuPIP bertindak dengan lebih selektif terhadap sel-sel kanser berbanding sel-sel normal.

Katanya, memandangkan keupayaan untuk membaike DNA adalah penting untuk kelangsungan hidup sel, maka penggunaan olaparib dapat menghalang sel-sel kanser daripada memperbaiki DNA setelah dirosakkan oleh RuPIP, yang seterusnya mengakibatkan kematian sel. Kajian menunjukkan rawatan gabungan RuPIP-olaparib ini dapat memberi kesan sinergisme dalam membunuh pelbagai jenis sel kanser seperti kanser payudara, paru-paru dan pundi kencing sambil mempunyai kesan yang minimum pada tisu normal.

"Penemuan ini menunjukkan rawatan gabungan RuPIP-olaparib mempunyai tahap keberkesanannya yang lebih baik dengan menggunakan dos yang lebih rendah berbanding ogen tunggal, sekali gus secara efektif akan dapat mengurangkan kos rawatan. Ia juga mempunyai potensi untuk mengatasi masalah rintangan ubat serta meminimumkan kesan pada sel-sel normal yang seterusnya akan dapat mengurangkan kesan sampingan seperti keguguran rambut yang sering dialami oleh pesakit ketika menjalani rawatan kemoterapi."

"Kaedah gabungan RuPIP-olaparib akan dapat melanjutkan kadar kelangsungan hidup pesakit berbanding rawatan ogen tunggal tanpa penyakit itu menjadi semakin teruk atau pesakit mempunyai kanser berulang, serta dapat mengurangkan kos untuk menjalani terapi penyelenggaraan," katanya.

Penyelidikan inovasi itu bermula September 2018 dan tamat September 2020. Selain beliau, ahli-ahli kumpulan penyelidik itu ialah Prof. Madya Dr. Chia Suet Lin, Prof Dr. Mohd Basyuruddin Abdul Rahman dan Nur Ainie Yusoh. – UPM

Tarikh Input: 14/04/2021 | Kemaskini: 14/04/2021 | hairul\_nizom

## PERKONGSIAN MEDIA

([https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Finovasi\\_rawatan\\_kanser\\_keberkesanannya\\_lebih\\_tinggi\\_kos\\_lebih\\_rendah-61234&title=Inovasi%20Rawatan%20Kanser%2C%20Keberkesanannya%20Lebih%20Tinggi%2C%20Kos%20Lebih%20Rendah%207C%20Universiti%20Putra%20Malaysia](https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Finovasi_rawatan_kanser_keberkesanannya_lebih_tinggi_kos_lebih_rendah-61234&title=Inovasi%20Rawatan%20Kanser%2C%20Keberkesanannya%20Lebih%20Tinggi%2C%20Kos%20Lebih%20Rendah%207C%20Universiti%20Putra%20Malaysia))

(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy\_link) (/#wordpress)

(/#print)

- [Entiti Kami](#)
- [Dokumen](#)
- [Newsletter](#)
- [Tetapan](#)

## HUBUNGI KAMI

HUBUNGI KAMI	PERKHIDMATAN DALAM TALIAN	PAUTAN LUAR	PAUTAN PANTAS
Universiti Putra Malaysia 43400 UPM Serdang Selangor Darul Ehsan MALAYSIA	Sistem Perhormahan ke Luar Negera ( <a href="http://bursar1.upm.edu.my/spin/">http://bursar1.upm.edu.my/spin/</a> ) Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) ( <a href="http://www.sisman.upm.edu.my/">http://www.sisman.upm.edu.my/</a> ) KM Portal ( <a href="http://km.upm.edu.my/kmportal/web/portlet/_render.action?method=home">http://km.upm.edu.my/kmportal/web/portlet/_render.action?method=home</a> ) Jawatan Kosong ( <a href="http://spk.upm.edu.my/">http://spk.upm.edu.my/</a> ) Sistem Bank Pulih ICT ( <a href="http://zonict.upm.edu.my/">http://zonict.upm.edu.my/</a> ) Putra Learning Hub ( <a href="http://learninghub.upm.edu.my/">http://learninghub.upm.edu.my/</a> ) Sistem Pengurusan Perubatan ( <a href="http://regmedic.upm.edu.my/">http://regmedic.upm.edu.my/</a> ) Sistem E-Claim ( <a href="http://eclaims.upm.edu.my/login/">http://eclaims.upm.edu.my/login/</a> ) i-GIMS (staf) ( <a href="http://www.sps-upm.edu.my:8080/igims/index.jsp">http://www.sps-upm.edu.my:8080/igims/index.jsp</a> ) i-GIMS (pelajar pasca siswazah) ( <a href="http://sspsportal.upm.edu.my:8080/sspsportal/">http://sspsportal.upm.edu.my:8080/sspsportal/</a> ) Sistem Maklumat Pelajar (pelajar praswazah) ( <a href="http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup">http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup</a> )	Kementerian Pendidikan Malaysia ( <a href="http://www.moe.gov.my/">http://www.moe.gov.my/</a> ) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ( <a href="http://www.ptptn.gov.my/">http://www.ptptn.gov.my/</a> ) Multimedia Super Corridor ( <a href="https://mdec.my/msc-malaysia/">https://mdec.my/msc-malaysia/</a> ) Portal myGovernment ( <a href="https://www.mysgia.gov.my/en/home">https://www.mysgia.gov.my/en/home</a> ) Agenzia Kelayakan Malaysia ( <a href="http://www.mtaq.gov.my/">http://www.mtaq.gov.my/</a> )	FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/enit) ( <a href="http://www.pota.upm.edu.my/">http://www.pota.upm.edu.my/</a> ) Statistik Transaksi Laman Web ( <a href="http://www.upm.edu.my/statistik">http://www.upm.edu.my/statistik</a> ) Tender & Kontrak ( <a href="http://etender.upm.edu.my/">http://etender.upm.edu.my/</a> ) Laporan Projek Pelanggan ( <a href="http://www.upm.edu.my/mengendi_kami/maklumat_konport/">http://www.upm.edu.my/mengendi_kami/maklumat_konport/</a> ) Dose UPN ( <a href="http://www.pnc.upm.edu.my/mengendi_kami/dasar_universiti-5601">http://www.pnc.upm.edu.my/mengendi_kami/dasar_universiti-5601</a> ) Sistem Pengurusan ISO ( <a href="http://reg.upm.edu.my/spk_upm/">http://reg.upm.edu.my/spk_upm/</a> ) Dana Wakaf Ilmu ( <a href="http://www.wizazan.upm.edu.my/">http://www.wizazan.upm.edu.my/</a> ) Penerbitan UPN ( <a href="http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPN-29859">http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPN-29859</a> ) Tokvim UPM 2020 ( <a href="https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/202021809515TAKWIM_UPM_2020-2.pdf">https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/202021809515TAKWIM_UPM_2020-2.pdf</a> ) UPM Flywire ( <a href="https://landing-pages.flywire.com/landing-pages/upm/">https://landing-pages.flywire.com/landing-pages/upm/</a> )
+603-9769 1000			PUTRA UG2-ODD ( <a href="http://pura.upm.edu.my/">http://pura.upm.edu.my/</a> )
---			PORTAL PURIM ( <a href="http://www.portal.upm.edu.my/">http://www.portal.upm.edu.my/</a> )
marketing@upm.edu.my			PATRIKA Journal ( <a href="http://www.pertnik.upm.edu.my/">http://www.pertnik.upm.edu.my/</a> )
TALIAN KECEMASAN BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM) 03-9769 7990   03-9769 7470   03-9769 1999			LEARNING HUB ( <a href="http://www.learnhub.upm.edu.my/">http://www.learnhub.upm.edu.my/</a> )

Dasar Privasi (/footnote/dasar\_privasi-29949) · Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) · RSS (/rss)  
Penafian (/footnote/penafian-29938) · Bantuan (/footnote/bantuan-29937) · UPM online (/footnote/upm\_online-38695)  
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar\_keselamatan-29939)

LANGGAN MELALUI EMAIL  Email anda

© 2021 Universiti Putra Malaysia

